

NO. SOALAN: 44

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN:

Dato' Dr. Muhajid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini Institut Islam Hadhari. Apakah fungsinya kini kepada kemajuan serta perkembangan agama Islam dalam negara.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Institut Islam Hadhari (IIH), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah ditubuhkan pada bulan Mei 2007 dengan kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Institut Kecemerlangan Penyelidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Antara fungsi institut ini ialah:

- i) mengadakan aktiviti penyelidikan dalam bidang peradaban Islam yang merangkumi empat bidang iaitu politik dan kepimpinan; sosiobudaya; ekonomi dan perniagaan; serta sains, teknologi, alam sekitar dan kesihatan;
- ii) mengadakan khidmat perundingan dan kepakaran kepada jabatan/agensi Kerajaan dan pelbagai pihak sama ada dalam dan luar negara; dan
- iii) menerbitkan buku dan jurnal dalam bidang peradaban Islam serta mengadakan seminar dan khidmat masyarakat.

Penglibatan institut ini di peringkat kebangsaan adalah dengan mengadakan jaringan ilmiah merangkumi perundingan, kepakaran, penyelidikan, penerbitan, penganjuran seminar dan khidmat masyarakat dengan beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Pendidikan (KPM), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan lain-lain.

Manakala di peringkat antarabangsa pula, institut ini telah mengadakan jaringan ilmiah dan penyelidikan melalui Perjanjian Persefahaman (MoU)/Surat Hasrat (LoI), perundingan, kepakaran, penerbitan dan penganjuran seminar dengan beberapa institusi seperti *Centre for Islamic Area Studies, Kyoto University* di Jepun; *Islamic Foundation, Markfield*

Institute of Higher Education (MIHE), United Kingdom; Institute For Social and Cultural Studies, Ministry of Science, Research and Technology, di Republik Islam Iran dan lain-lain.

Disamping itu, Institut Islam Hadhari ini telah menawarkan Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang peradaban Islam secara penyelidikan mulai Sesi 2009/2010. Sehingga kini, seramai 48 pelajar Doktor Falsafah dan 24 pelajar Sarjana telah mendaftar dan seramai lapan graduan Sarjana dan empat Doktor Falsafah telah dihasilkan.

Melalui kursus-kursus pengajian yang ditawarkan, telah melahirkan golongan pemikir dan penyelidik yang professional dan pakar dalam bidang peradaban Islam dan kini berkhidmat dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Sekian, terima kasih.